

16 NOV 1998

APEC-BERITA-HOWARD/I LEAD

HOWARD: SAYA AKAN USAHA KEKALKAN HUBUNGAN BAIK DENGAN M'SIA

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Australia John Howard berkata beliau akan terus berusaha untuk mengekalkan hubungan baik dengan Malaysia.

Bagaimanapun, dalam menyifatkan hubungan Australia-Malaysia sebagai penting, beliau berkata perbezaan pendapat tidak boleh dielakkan.

Katanya kira-kira 150,000 pelajar telah belajar di Australia dan "ini adalah hubungan yang erat."

Howard berkata beliau telah mengadakan berbincangan terus terang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat dua hala hari ini.

Ditanya mengenai laporan bahawa hubungan Malaysia-Australia tejejas disebabkan kenyataan beliau mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, Howard berkata: "Hubungan dua hala itu adalah penting untuk Australia dan itulah sebabnya saya mahu menemui Dr Mahathir dan kami berbincang secara terus terang dan bersopan."

Mengenai isu Anwar, beliau berkata beliau telah menyatakan pendapat Australia kepada Dr Mahathir.

"Saya menyatakan beberapa pendapat kepadanya (Dr Mahatir) dan beliau menjawab." katanya.

Ditanya apakah jawapan yang diberikan Dr Mahathir kepada pendapat-pendapatnya itu Howard berkata adalah baik soalan itu ditujukan kepada Dr Mahathir sendiri.

Anwar sedang berdepan dengan mahkamah dengan lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan seks di luar tabii.

Sambungan perbicaraan ke atas empat daripada lima tuduhan rasuah itu akan bermula pada 23 Nov.

-- BERNAMA

ARA TS WAT